

D631

U B292 AAB

MAHATHIR - PELABUR R R R R R

(I) 1985

JOHOR BAHRU, 29 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PELABUR-PELABUR TEMPATAN TIDAK HARUS MENGGUNAKAN HARGA-HARGA SAHAM YANG TURUN NAIK DI PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR UNTUK MEMBUAT KESIMPULAN BAHAWA EKONOMI NEGARA INI DALAM KEADAAN BURUK.

BELIAU SETERUSNYA MENEGASKAN BAHAWA HARGA SAHAM DI PASARAN SAHAM TIDAK SEMESTINYA MENCERMINKAN PRESTASI DAN KEDUDUKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG SAHAMNYA DISENARAIKAN DALAM PASARAN SAHAM TERSEBUT.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BARU-BARU INI TELAH MENJALANKAN SATU KAJIAN MENGENAI PRESTASI BEBERAPA SYARIKAT DI NEGARA INI DAN DARIPADA LAPORAN TAHUNAN SYARIKAT-SYARIKAT ITU DIDAPATI BAHAWA MEREKA MENCAPI KEMAJUAN YANG AMAT CEMERLANG.

INI ADALAH AGAK BERTENTANGAN -D-DENGAN -KEDUDUKAN YANG DICERMINKAN PADA HARGA-HARGA SAHAM DI PASARAN SAHAM.

KEBANYAKAN MEREKA MENGAUT UNTUNG, DENGAN MENCATATKAN KEUNTUNGAN YANG BESAR TETAPI HARGA SAHAM MEREKA DI PASARAN SAHAM TIDAK MENCERMINKAN DEMIKIAN, TEGASNYA.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KILANG SYARIKAT MEDICAL-LATEX SDN. BHD. DI KAWASAN PERINDUSTRIAN SENAI, 32 KM DARI SINI PETANG INI. -- LAGI

2029MST 29 06 85

D648

U B294 AAB

MAHATHIR - PELABUR 2 JOHOR BAHRU R R R R R

(I)

PERDANA MENTERI MENDAPATI BAHAWA PELABUR-PELABUR TEMPATAN MEMPUYAI SIKAP YANG BURUK IAITU MEMBELI SAHAM-SAHAM DI PASARAN SAHAM DENGAN DIPANDU OLEH KHABAR-KHABAR ANGIN TERBARU DAN BUKAN DENGAN MELIHAT PRESTASI SYARIKAT-SYARIKAT.

MISALNYA, HARGA DI PASARAN SAHAM JATUH DENGAN TERUK BARU-BARU INI KERANA BERITA KRISIS MCA DAN BERBAGAI-BAGAI KHABAR ANGIN LAGI YANG KADANG KALA DISIBARKAN OLEH PARA USAHAWAN SENDIRI, YANG MENIMBULKAN KESAN NEGATIF KEPADA PASARAN SAHAM.

BELIAU BERKATA PARA PELABUR TEMPATAN JANGANLAH +MENAKUT-NAKUTKAN DIRI MEREKA SENDIRI+ SEBALIKNYA HENDAKLAH MELIHAT KEMUNGKINAN USAHA YANG MENGUNTUNGAN YANG MEREKA BOLEH TEROKAI DI ZAMAN KEMELESETAN DUNIA SEKARANG DAN BUKAN SEBALIKNYA MENJAUHKAN DIRI.

+TERDAPAT BEBERAPA BIDANG TERTENTU YANG BOLEH MENDATANGKAN KEUNTUNGAN BESAR SEPERTI INDUSTRI BERASASKAN GETAH UNTUK MEMBUAT MISALNYA BARANG PERUBATAN DAN SEBAGAINYA, TAMBAHNYA.

BELIAU GEMBIRA MENDAPATI JOHOR MENIKMATI +DURIAN RUNTUH KECIL+ KERANA RAKYAT SINGAPURA MENGAMBIL PELUANG DARIPADA KADAR PERTUKARAN DOLAR SINGAPURA YANG TINGGI UNTUK BERBELANJA DI JOHOR. -- LAGI

2110MST 29 06 85

U B295 AAB
MAHATHIR - PELABUR 3 JOHOR BAHRU R R R R R R
(I)

PERDANA MENTERI TIDAK NAMPAK SEBARANG SEBAB MENGAPA PALABUR-PELABUR TEMPATAN PATUT MERUNGUT APABILA DI SEBALIKNYA PARA PELABUR ASING MENCURAHKAN PELABURAN MEREKA DI NEGARA INI.

RAMAI PELABUR ASING YANG LEBIH SUKA MELABUR DI MALAYSIA KERANA MEREKA BERPENDAPAT MALAYSIA MENIKMATI KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI DENGAN SISTEM PENTADBIRAN YANG CEKAP APABILA DIBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT BAHAWA NEGARA INI DAPAT TERUS MENINGKATKAN PENDAPATAN PER KAPITANYA JIKA TENAGA KERJA TEMPATAN SANGGUP MENCUBA DAN MENDISIPLINKAN DIRI MEREKA KE ARAH MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN MEREKA.

DENGAN IKLIM PELABURAN YANG SESUAI DAN TENAGA KERJA YANG RAJIN, LEBIH RAMAI PELABUR SUDAH PASTI TERTARIK UNTUK MELABUR DI NEGARA INI.

APABILA INI BERLAKU AKAN WUJUDLAH PERSAINGAN YANG HEBAT DALAM PENGAMBILAN PEKERJA YANG AKAN MENGHASILKAN UPAH YANG LEBIH BAIK DAN LAIN-LAIN FAEDAH SARAAN UNTUK PEKERJA-PEKERJA, + KATANYA.

PERDANA MENTERI PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI SETELAH MENGAKHIRI LAWATAN RASMI DUA HARI KE JOHOR. -- BERNAMA

2112MST 29 06 85